

14 JUN 1996

ANUGERAH INDIA UNTUK DR MAHATHIR

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 14 Jun (Bernama) -- India telah mengurniakan anugerah "Jawaharlal Nehru Award for International Understanding" kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangan besarnya terhadap usaha menggalakkan kerjasama di kalangan negara-negara membangun.

Pemilihan itu dibuat oleh juri tujuh orang tokoh yang termasuk Ketua Hakim India diketuai oleh naib presiden negara itu K.R.Narayanan.

Narayanan berkata Dr Mahathir telah dengan lantang dan sering mengutarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan negara-negara membangun.

Juri itu berkata ia memilih Dr Mahathir setelah menimbang dengan teliti banyak pencalonan dari serata dunia.

Anugerah yang dinamakan sempena Perdana Menteri India yang pertama mengandungi sebuah piala, 1.5 juta rupee (RM107,000) dan ucap jasa.

Anugerah itu dikendalikan oleh Majlis Perhubungan Kebudayaan di Kementerian Luar India. -- BERNAMA

MP AAM MAI